

Periuk Nasi

Demi periuk nasi
sanggup kau injak huma petani
menuai padi mentah lagi
berharap bertukar nasi dalam sehari
untuk kau hidang kepada Tuan bestari

Demi periuk nasi
kerak yang dulu kau jauhi
kau kutip biji demi biji
di gunung sampah penuh duri
kau jadikan rantai zikir peribadi
untuk ibadah berhala yang kaukuta suci

Sebab periuk nasi
pancaindera tuli semakin lali
kau tanak nasi dalam periuk 'feudal' kini;
mereka kata nasi sudah menjadi bubur
kaukuta nasi boleh dibuat bubur
kau lumatkan sisa kerak dengan bubur
lebih senang santapan Tuan termasyhur

Sebab periuk nasi
kau terlupa barangkali
kerak adalah nasi yang terlalu masak kehidupan

kau dungu kemungkinan
jatidiri kerak keras
meskipun kau peras
kau dangkal agaknya
kerak akan menyengkang kerongkong Tuan adiraja

lihatlah periuk nasi kau itu
tiada beza sekarang dahulu

Periuk Nasi

tetap ada kerak yang membisu
kerana kaulah kerak petualang
menyebabkan nasi diam membeku

mahukah kau jika aku kangkang di atasnya?
agar kau erti kerak bumi itu rata
tidak sewenangnyanya ditukargadai
kerana kaulah manusia yang tidak tolak bangkai.

SELOKA BAHASA

Tersebut al-kisah ceritera Sang Bahasa
diporak-peranda keluarganya
asal Austronesia
dengarlah kisah malangnya

Inilah kisah Pak Pandir tertawa gelak
melihat Pak Mat Saleh sirami air gelegak
membunuh bahasa ibu
menanam benih durjana
bakal mengandung tujuh petaka
mengundang mayat-mayat hidup berleluasa

Tersebut kisah rumah Pak Kaduk tergadai
tentang keturunannya yang kurang pandai
keldai,
Raja hendak jadikan kuda
bangsa terbengkalai,
bahasa dipersenda

Mungkin saja Badang termuntah
mendengar Bahasa Melayu ibarat sampah
berdarah nanah hingga tulang belulang
menjunjung titah Negara Terbilang, Bahasa Terbuang

Semuanya angkara Raja Bersiong
bertakhta berbangga pelat bicaranya
bersiul mengundang todak-todak anti-bahasa
berirama asing yang katanya ibunda

“Ayuh, bangkitlah bangsaku!” seru baginda Raja
undilah Si Kitul yang sedia setia

SELOKA BAHASA

wujudkan musuh seteru antara kita
mari pusakakan bahasa
pustakakan budaya
agar tidak lagi menjadi bagasi sejarah
"Ayuh cumbui penjajah yang menjarah!"

Akan tibalah masanya
tersimpul simpulan bahasa
tiada terperi peribahasa
terkeranda tatabahasa
tidak terpantullah pantun Melayu saka.

(TER)ASING

Telah termaktub surah Ar-Rahman
tiada yang kekal

Tiada apa pernah tertera dalam 'Perlembagaan'
kerana tiada yang kekal

jika tiada yang kekal
setiap yang baru itu asing?

biarlah saja bumi kuburan ditendang terbalik
punah jasad puas dipongkah
diasing pindah bertukar tanah
ini bukan angkara Dajal
mahupun terkaman Yakjud Makjud
sekadar demi pembangunan asing

anak watan di pantai kini di bumbung perumahan
tikar mengkuang tempat bermimpi seribu impian
bumbung batu tempat tujuan doa sejuta mintaan
demikianlah mangsa anjing-anjing liar serakah
ditoreh diri hingga tiada bertanah
membela nasib bermu'amalat maruah
remuk redam dibuat harta terjarah
terasing sepi bagaikan sampah

yang mengutip sampah tiada pernah kisah
ini bukan tempatnya bertumpah darah
ini medan pertempuran mencari dara mudah
habis sedutan madu, digunakan lagi sepah

yang membuang sampah tinggal rumah mewah

(TER)ASING

datang sekeluarga menuntut nafkah
seperti penjajah tiada bertingkah
membeli tanah air dengan wang segenggam
membikin pasir batu melonjak harga sebidang

seluruh pulau sentiasa bertukar rupa
demi pembangunan melulu semata
seakan mengundang kedatangan suatu bala

yang menjaga sampah sudah diganti
yang menjadi sampah tiada terbelah nanti

di tanah ini
apa yang kekal?

BILIK TERMENUNG

tapak jentera-jentera ketolol
mendabrak liku-liku harapan
jentolak bersenggama tanah dara ini
menjilat licin pulau pusaka tujuh keturunan

kemarahan Sang Alam tak mampu menentu
kelantangan batu-batu nisan hanya terbisu kelu
bantahan roh-roh malam selamat terkeramat
angin merah meniup melumpuh semua azimat

kau lambang bangunan
tidak pernah dibangunkan
tapi menghambat pembangunan

kau satu-satunya bukti sakti
Melayu pernah wujud
pengebumian kau sangat bererti
untuk mereka yang tiada pernah bersujud

hanya aku terpaksa santau
di Bilik Termenung dikau.

Sinaran sang bulan
memancar cahaya kelam
mengejutkan kupu-kupu malam
menghidupkan buaya-buaya darat
memutarkan roda perniagaan
di tengah kota kosmopolitan

pasar pelacur hiruk-pikuk
rambut-rambut putih juga sibuk
tawar-menawar membeli daging hidup
berpeleseran sehingga ayam berkokok
depan bini pura tunduk
rupanya, semakin tunduk,
semakin Firaun perangnya.

pasangan-pasangan sekelamin
bersenggama sambil bermain-main
pasangan-pasangan luar nikah
berkeliaran, masing-masing bersedekah
siang malam berjoli berkepit
manakan tidak perut mula buncit

tatkala fajar menjelang
mengkhatakkan perniagaan
sang suria mula menerawang
mengghaibkan pasangan-pasangan
yang menantikan sang bulan.

Unggas

Aku sejenis unggas,
berterbangan dinaungi jarutan
diperhati dikawali pengawas,
dalam taman berbatu-batan.

Kicauanku bernada sungguhpun dinoda
tidak selantang semerdu
unggas-unggas pendatang
yang bebas berterbangan
mengelilingi khatulistiwa

kini rumahku bertaman baru
di muara sungai, di pulau belakang
dipetik tangan-tangan beracun
jenis unggasku harus menghibur,
atas kedua dahan beracun,
yang dikatakan menarik pengunjung.

namun aku tetapkan juntrungan
dengan ilmu akal seberapa
menjauhi dedahan puaka
supaya racunnya tidak menular,
dan merosakbinasakan keturunanku

aku bertekad teguh berharap
telinga-telinga tuli berdarah mendengar siulanku
iramaku memukau unggas-unggas jahiliyyah
nadaku mendidihkan api darah dara

Aku masih menanti berharap

Unggas

umarak sejenis
hinggap dengar kicauanku,
membebaskanku berterbangan berjuang bersama,
seperti unggas-unggas lain.

Tanpanya,
aku terpaku dan terkandas
dalam mencari erti kehidupan, kerana
aku hanya se-jenis unggas.

AMPUN TUANKU

Ampun Tuanku

sembah patik tidak perlu diampun
kerana patik bukan lagi anjing buruan
tapi serigala jadian yang makan tuan

Ampun Tuanku

beribu-ribu ampun
itulah yang patut kau ucapkan
atas jutaan dosa besar dianggap amalan
setiap malam bertukar tangan

Daulat Tuanku

seluruh masjid mendoakanmu
dengan tangan terbuka mulia
lebih terbuka celahan dara bangsa yang kau noda

Daulat Tuanku

untuk siapa daulat itu
rakyat jelata tunduk padamu dahulu
takut akan ditulah tanpa segan silu
kini kau rayu mendayu minta sokong bantu
di kaki lima di atas batu

Tuanku

hentikan saja topengan duka pilu
sertu tanganmu dengan debu tanah ibumu
turunlah dari takhta kepuraanmu
rakyat jelata sudah lama bertakhta bersatu.

Secangkir Sirih Pemanis

Tersebut al-kisah ceritera seorang pejuang
rimba ilmunya menginai tubuh kami pendatang
bak daun sedingin kekatanya
tenang setenang menenangkan

buah ajaran kami jadikan tangkal pusaka
tangga bimbingan bentuk tiang seri kami
pucuk teguran pengukuh jati diri
kiblat tarbiah penjunjung hati

kami terpukau dengan gunung ilmu
kayu api perjuangan semarak tanpa segan silu
langir asap seru makhluk tiap penjuru
mendukung singgahsana Alam Melayu

andai Singapura dilanggar Todak Anti-Bahasa
kami bertameng sedia bela
dengan peluru ilmu guna,
bukan bedilan melulu semata

alam ini kami diijabkabul dengan erti Melayu

berkadikan seorang pejuang ilmu
kami pulang bukan meninggalkan
tapi pulang memburu yang ketinggalan

di tanah inilah kami telah beragama denganmu
agama kami yang kedua.